

FOR IMMEDIATE RELEASE

MEDIA RELEASE

PHARMANIAGA TEMBUSI PASARAN VAKSIN ANTARABANGSA, EKSPORT VAKSIN COVID-19 “FILL AND FINISH” SINOVAC KE MYANMAR

SHAH ALAM, 15 NOVEMBER, 2021 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) pada hari Sabtu lalu telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa vaksin dengan mengeksport kumpulan pertama vaksin COVID-19 'fill and finish' Sinovac ke Myanmar, yang dikilangkan oleh kilang berteknologi tinggi yang diiktiraf oleh Kesatuan Eropah (EU) milik anak syarikat milik sepenuhnya, Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd (PLS).

Di Myanmar, vaksin COVID-19 Sinovac itu akan dipasarkan oleh Hemas Mandalay Pharmaceuticals Ltd (Hemas Mandalay), sebuah syarikat farmaseutikal di Myanmar yang telah membuat pesanan awal sebanyak 200,000 dos vaksin 'fill and finish' COVID-19 Sinovac daripada Pharmaniaga.

Baru-baru ini, kedua-dua syarikat telah menandatangani Memorandum Kolaborasi (MOC) untuk Pharmaniaga membekalkan vaksin COVID-19 Sinovac kepada dua buah hospital swasta milik Hemas Mandalay di Yangon. Penghantaran dilakukan setelah mendapat kelulusan *Myanmar Food and Drugs Authority*.

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Eusope berkata, kerjasama dengan Hemas Mandalay ini akan membantu mempercepatkan program vaksinasi pasaran swasta di Myanmar.

Setakat 31 Oktober 2021, 13% peratus daripada penduduk Myanmar dilaporkan telah divaksin sepenuhnya terhadap jangkitan virus COVID-19¹.

"Penghantaran kumpulan pertama vaksin COVID-19 'fill and finish' Sinovac kepada Hemas Mandalay ini adalah suatu kejayaan yang besar kepada Pharmaniaga. Pesanan 200,000 dos vaksin akan dihantar ke Myanmar secara berperingkat mulai 13 November lalu.

"Peluang untuk bekerjasama dengan salah satu syarikat farmaseutikal terkemuka di Myanmar ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi hubungan perniagaan yang baharu sahaja terjalin dan ia dijangka akan membuka lebih banyak lagi peluang perniagaan baharu di negara itu," katanya.

¹ <https://ourworldindata.org/covid-vaccinations?country=MMR>

FOR IMMEDIATE RELEASE

MEDIA RELEASE

Datuk Zulkarnain berkata pengeksportan vaksin COVID-19 Sinovac telah memberi keyakinan kepada Pharmaniaga untuk menerokai peluang yang sama di negara jiran yang lain di Asia Tenggara (ASEAN) dan juga di negara-negara di Afrika.

"Kami beryakinan dengan usaha memasarkan vaksin di peringkat antarabangsa ini kerana dunia memandangi tinggi Malaysia yang mempunyai prestasi cemerlang dalam menguruskan program vaksinasinya, selepas mencapai lebih 90% kadar vaksinasi dikalangan populasi dewasa lebih awal daripada yang jadualkan.

"Ketika ini kami sedang menunggu untuk mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa kesihatan dari beberapa negara lain, yang sepertimana kerjasama di Myanmar, perjanjian itu telah ditandatangani lebih awal tetapi penghantaran hanya dibuat setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa kesihatan negara itu.

"Peranan penting Pharmaniaga dalam membantu Kerajaan Malaysia mencapai kejayaan program vaksinasi telah memberi keyakinan kepada rakan kongsi luar negara kami untuk memasarkan vaksin COVID-19 'fill and finish' Sinovac yang dikilangkan di Malaysia.

"Usaha memerangi pandemik memerlukan kerjasama global yang merentasi sempadan, dan Pharmaniaga komited dengan kepakaran dan keupayaan kami untuk menyokong usaha itu," katanya.

Datuk Zulkarnain merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan bagi pihak Syarikat kepada Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Kesihatan, YB Khairy Jamaluddin dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Dr Adham Baba di atas kepercayaan dan keyakinan yang diberikan kepada Pharmaniaga untuk mengilangkan dan mengeksport vaksin COVID-19 'fill and finish' Sinovac di Malaysia dan ke pasaran dunia.

"Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan kongsi antarabangsa kami, Sinovac Life Sciences Co., Ltd., atas sokongan yang berterusan, kepercayaan dan peluang pemindahan teknologi mereka untuk mengilang vaksin COVID-19 'fill and finish' Sinovac di Malaysia serta vaksin halal yang masih dijalankan berterusan. kerana Pharmaniaga adalah antara syarikat ke-5 di dunia yang mempunyai kemudahan, pemegang pendaftaran produk dan pengedar tunggal vaksin Sinovac COVID-19."

FOR IMMEDIATE RELEASE

MEDIA RELEASE

Setakat ini, Pharmaniaga telah mengedarkan sejumlah 20.4 juta dos vaksin COVID-19 'fill and finish' Sinovac kepada 10 juta atau satu pertiga (38.7%) penduduk di Malaysia².

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama LTAT, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti.

Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantai perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Mengenai Hemas Mandalar Pharmaceuticals Ltd

Hemas Mandalar ialah usaha sama antara Keluarga Mandalar dan salah satu syarikat terkemuka di Sri Lanka bernama Hemas. Ia ditubuhkan pada tahun 2017. Skop Hemas Mandalar adalah pengedaran, pergudangan, pengurusan inventori dan pemasaran produk perubatan. Produk terasnya termasuk farmaseutikal, nutraseutikal, produk OTC, peranti perubatan, penganalisis dan reagen makmal.

Rangkaian Hemas Mandalar merentasi seluruh Myanmar, dengan ibu pejabatnya terletak di Yangon. Pejabat cawangan juga telah dibuka di Mandalay, Nay Pyi Taw, Mawlamyine dan Taunggyi untuk memenuhi permintaan negara itu. Pada masa ini, Hemas Mandalar mempunyai liputan hospital dan makmal, serta lebih 90% liputan farmasi.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com

² <https://covidnow.moh.gov.my/vaccinations>